



Ali Haji Ahmad

ALI HAJI AHMAD, Dato' Seri (1930–1977), pengkaji kesusasteraan Melayu Moden dan penulis. Dia lahir pada 29 Jun 1930 di Kampung Rambah, Pontian Kecil, Johor. Pendidikan awalnya bermula di Sekolah Melayu, Pontian dan seterusnya dia ke English College, Johor Bahru, Johor. Dia telah melanjutkan pelajarannya ke University of Malaya, Singapura dan lulus ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1958.

Ali pernah berkhidmat sebagai guru sebelum menjawat jawatan pegawai pentadbiran awam di Johor dan sebagai Penolong Pegawai Daerah Pontian (1958–1960). Dari tahun 1960 hingga tahun 1963, dia berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Ketua Bahagian Penyelidikan. Setelah meninggalkan DBP selama beberapa tahun, Ali kembali bertugas untuk beberapa bulan sebagai Pengarah DBP dari bulan Februari 1969 hingga bulan Julai 1969.

Sewaktu menjadi mahasiswa, Ali aktif dalam pergerakan pelajar. Dia pernah menjadi Naib Presiden Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya (1954), Presiden Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS – 1955) dan ahli Malaya Educational Council, Singapura (1954–1956).

Dalam bidang kesusasteraan tanah air, Ali telah menyusun dan menyunting beberapa buah buku kajian kesusasteraan Melayu. Ini bermula dengan latihan ilmiahnya iaitu *Cerita-cerita Pendek Haji Abdul Rahim Kajai* dan diikuti kemudiannya dengan *Puisi Baharu Melayu: Zaman Permulaan* (1959), *Puisi Baharu Melayu 1942–1960* (1961) dan *Rintisan: Antologi Cerita Pendek Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua* (1964).

Dalam pergerakan politik tanah air pula, Ali merupakan ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang aktif sejak tahun 1950-an lagi. Dia pernah menyandang beberapa jawatan penting dalam UMNO dan Perikatan, baik pada peringkat negeri mahupun pada peringkat kebangsaan iaitu sebagai Penolong Setiausaha Agung UMNO (1963–1965) dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia (1966). Dia pernah bertugas sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (1969) dan pada tahun yang sama dilantik sebagai

Menteri Muda Kewangan. Kemudian dia menjawat jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (1973–1976), dan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (1976–1977).

Ali dikurniائي darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), 1973 yang membawa gelaran Dato' dan darjah Dato' Seri Setia Sultan Ismail Johor (S.S.I.J.), 1977 yang membawa gelaran Dato' Seri.

Ali meninggal dunia pada 4 Disember 1977 di Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor.

ALI MAJOD (1940–), penulis cerpen. Dia lahir pada 12 September 1940 di Kampung Air Penaga, Gemenceh, Negeri Sembilan. Namanya yang lengkap ialah Mohd. Ali bin Majod. Dia pernah menggunakan nama pena Malinas. Ali menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Sungai Jernih dari tahun 1948 hingga tahun 1955, kemudian meneruskan pengajiannya ke Darjah Tujuh di Sekolah Melayu Gemenceh (1956–1957). Kemudian dia mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim (1958–1961). Setelah lulus dari maktab tersebut, dia mengajar di beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan (1962–1970).

Di samping mengajar Ali terus belajar sendiri hingga lulus Sijil Pelajaran Malaysia (1964). Pada tahun 1970, dia meletakkan jawatannya sebagai guru untuk bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam hingga tahun 1974. Setelah lulus Sijil Tinggi Persekolahan, dia melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya hingga peringkat ijazah Sarjana Muda Sastera (1978) dan bertugas sebagai tenaga pengajar di Jabatan Pengajian Melayu hingga tahun 1980. Kemudian dia berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai pegawai perancang bahasa.

Ali mula menceburkan diri dalam bidang penulisan sejak remaja lagi, iaitu sewaktu dia dalam Darjah Tujuh. Pada tahun 1957, dia menulis sebuah puisi berjudul "Pulau Harapan" dan termuat dalam akhbar *Suluh Pelajar*, iaitu lidah rasmi Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (PPMS). Bakat penulisannya dikembangkan lagi sewaktu di MPSI dengan menulis cerpen, puisi dan esei. Karyanya dimuatkan dalam majalah maktab seperti *Bayu* dan *Cenderamata*. Cerpen pertamanya berjudul "Hari Jadi ke-21" memenangi hadiah akhbar *Berita Harian* pada tahun 1961, setelah mencubanya sebanyak 10 kali. Pada tahun tersebut juga, dia menggondol Piala Tunas Bahasa dalam Peraduan Menulis Cerpen di maktab tersebut.

Sewaktu berkhidmat sebagai pendidik, Ali amat produktif menghasilkan cerpen. Salah sebuah cerpennya yang cukup popular ialah "Pensel Sebatang" yang tersiar dalam majalah *Dewan Masyarakat* (Oktober 1975) dan ini menjadikan dia lebih terkenal sebagai seorang penulis cerpen. Beberapa buah cerpen Ali telah terpilih menerima Hadiah Karya Sastera dan Hadiah Sastera Malaysia, iaitu "Penunggu" (1971), "Ngayau" dan "Semacam Kepuasan" (1972), dan "Umar Moden" (1991). Beberapa karyanya juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Rusia dan China. Pada tahun 1981, dia

telah memenangi hadiah pertama Hadiah Sastra Remaja ESSO-GAPENA I, dengan kumpulan cerpennya berjudul *Sayang Si Tina* (1982). Karyanya yang lain berbentuk buku ialah *Dalam Diri* (1974), *Lampu-lampu di Pelabuhan* (1982), *Ani yang Sihat* (1984), *Kasihaniilah Dia* (1982), *Ram dan Rim ke Planet Zerax* (1991) dan *Bermain Kereta Api* (1991). Ali juga menyelenggarakan antologi cerpen berjudul *Biarkan Aku Sendiri* (1985) dan *Impian Murni* (1986).

Dalam perkembangan sastra di Malaysia, Ali lebih terkenal sebagai seorang penulis cerpen yang sering menggarap tema-tema yang mempunyai hubungan dengan pendidikan dan moral. Akhir-akhir ini Ali sering kali dikaitkan dengan perkembangan sastra remaja di tanah air.